



# RM4.78 juta nilai kerugian kes komersial Pahang sepanjang Januari

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 15, 2022 @ 12:48pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Polis merekodkan kerugian keseluruhan kira-kira RM4.78 juta susulan 169 kes jenayah komersial yang berlaku di Pahang sepanjang tempoh Januari lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf berkata, daripada jumlah itu 158 kes adalah membabitkan penipuan, antaranya Macau Scam.

Katanya, sepanjang tempoh sama juga 101 individu ditahan membabitkan pelbagai kes jenayah komersial

"Walaupun pelbagai inisiatif pencegahan dan nasihat kesedaran diberikan kepada masyarakat, namun kes jenayah komersial masih berlaku khususnya penipuan Macau Scam .

"Ini menunjukkan tahap kesedaran dan kepekaan masyarakat terhadap kejadian penipuan masih rendah. Namun, saya percaya Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) akan terus berusaha membanteras jenayah penipuan ke tahap paling minimum.

"Sebaiknya saya nasihatkan orang ramai yang menerima panggilan (berunsur penipuan), supaya memutuskan panggilan apabila berasa ditipu bagi mengelak terpedaya," katanya selepas majlis perhimpunan bulanan di sini, hari ini.

Pada majlis sama berlangsung pemakaian pangkat pegawai rendah polis dan penyerahan van di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang.

Mengulas penyerahan van kepada 11 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Pahang, Ramli berkata kenderaan itu akan memudahkan urusan pengangkutan terutama yang membabitkan jumlah anggota melebihi 10 orang.

Katanya, kenderaan itu sangat memberikan manfaat kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Polis Pahang dijangka turut menerima aset lain selepas ini.

"Harga sebuah van ini adalah RM181,000 dan diharap kenderaan ini diguna pakai untuk penugasan secara berhemah, di samping mematuhi jadual penyelenggaraannya," katanya.



Ramli menunjukkan van yang diterima Polis Pahang untuk kegunaan 11 Ibu Pejabat Polis Daerah di negeri itu. - FOTO NSTP/ ASROL AWANG